

Gred A bukan ukuran kejayaan dalam hidup

Musim peperiksaan baru sahaja selesai. Bermula dengan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), diikuti dengan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) dan diakhiri dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). 'Kemeriah'an peperiksaan ini bukan sahaja dirasai pelajar dan guru, malah ibu bapa Persediaan demi persediaan dilakukan bagi memastikan pelajar bersedia sepenuhnya menghadapi peperiksaan sebenar; termasuk latihan, ujian, seminar dan bengkel menjawab peperiksaan.

Inilah rutin guru serta pelajar yang mendukung peperiksaan setiap tahun. Ibu bapa turut memainkan peranan. Hasil usaha pelajar, guru, pihak sekolah dan ibu bapa dapat dilihat dalam keputusan peperiksaan. Keputusan UPSR sebagai contoh sudah diumumkan dan tidak lama lagi keputusan PT3 pula.

Suasana gembira dapat dirasai pelajar yang mendapat gred A, manakala suasana hiba dan sedih serta kecewa dirasai bagi yang gagal mendapatkan gred A. Lebih mengecewakan apabila layanan kepada pelajar ini oleh guru serta ibu bapa seolah-olah mereka ti-

dak berusaha sehabis daya. Maka timbul perasaan tertekan oleh pelajar, seolah-olah mereka patut dipersalahkan 100 peratus.

Bukan penentu kejayaan

Dalam hal ini, tidak dapat gred A dalam peperiksaan bukanlah satu pengakhiran bagi pelajar. Gred A bukanlah penentu segalanya dalam peperiksaan. Mungkin kelemahan dalam kemahiran kognitif serta kemahiran berfikir, kemahiran mengingat atau kurang mahir atau arif dalam strategi menjawab soalan bagi pelajar boleh dijadikan faktor kegagalan dalam menjawab peperiksaan.

Bagaimanapun, perlu diingat, masih banyak lagi faktor lain menyumbang dalam kegagalan mereka. Tiba masanya untuk melihat peluang yang ada dan bakal dilalui pelajar selepas ini. Masih wujud ruang untuk memperbaiki diri. Sekiranya gagal mendapat gred A, maka terimalah ia sebagai satu rezeki.

Setiap perkara yang berlaku pastinya diiringi dengan hikmah. Usaha sudah dilakukan maka kinigiliran untuk mendapatkan habuan masing-masing. Apabila perasaan sedih menyelubungi pelajar ketika menerima keputusan,



Keputusan cemerlang yang diperoleh pelajar mampu suntik semangat rakan yang kurang berjaya.

(GAMBAR HIASAN)

ia saat terbaik untuk ditarbiyah dengan ilmu agama serta kata-kata motivasi bagi memberi kekuatan dalam menghadapi saat berduka ini.

Kata-kata semangat harus disuntik dan mereka harus diingatkan bahawa ini permulaan bagi sesuatu kejayaan. Kegagalan juga adalah proses pembelajaran kerana kita belajar daripada kesilapan. Konsep usaha dan tawakal harus ditekankan selepas usaha dilakukan. Sesungguhnya apa-apa yang kita lakukan seterusnya selepas usaha dan tawakal adalah menerima keputusan dengan hati terbuka.

Sikap pilih kasih tidak seha-

rusnya ada sekutu memberi layanan kepada pelajar yang mendapat gred A atau sebaliknya. Semua pelajar harus dihargai di atas usaha mereka. Penghargaan dalam bentuk material mahu pun kata-kata ataupun bahasa badan seharusnya diberikan secara adil kepada pelajar tanpa berat sebelah.

Suka diingatkan, pelajar belajar dari pemerhatian serta pengalaman. Oleh itu, perkara yang mereka lalui serta alami turut membentuk sikap mereka pada masa hadapan. Sekolah seharusnya memikirkan kaedah terbaik bagi menyampaikan keputusan peperiksaan kepada pelajar. Mungkin

sesi penghargaan bagi pelajar yang berjaya bolehlah dilakukan pada sesi tertutup ataupun sesi penghargaan pelajar diadakan untuk semua pelajar tanpa mengira gred A yang mereka peroleh.

Sokongan ibu bapa

Ibu bapa pulu perlu belajar menghadapi keputusan anak dengan tabah dan bersikap terbuka. Tiada ibu bapa sanggup melihat anaknya gagal serta kecewa dalam peperiksaan. Semua ibu bapa mengidamkan keputusan yang cemerlang bagi anak masing-masing. Namun, dalam hal ini ibu bapa seharusnya bersedia menghadapi segala kemungkinan.

Ibu bapa perlu ingat bahawa kita bukan membentuk anak untuk jadi yang terbaik tetapi memberikan galakan kepada mereka membuat yang terbaik. Perjalanan mereka masih jauh. Banyak lagi perlu mereka pelajari dan terokai dalam mengharungi hidup ini.

Pencapaian akademik hanya satu cabang kejayaan. Sama-sama lah kita bantu bentuk masa hadapan anak ini dengan lebih bermakna lebih daripada melihat kuantiti gred A dalam keputusan mereka. Kejayaan mereka sebenarnya adalah lebih daripada itu.

Noor Azlinda Zainal Abidin,
Guru Bahasa Kanan Pusat Bahasa
Moden dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang.